



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**PERLAKSANAAN 1BESTARINET *HTTP*
URL FILTERING SECARA *WHITELISTING*
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1 JULAI 2016

HAK MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENGENALAN

Pihak KPM kini mempertingkatkan keselamatan terurus 1BestariNet dengan pelaksanaan penapisan *URL HTTP Whitelisting*. Inisiatif ini diambil untuk menumpukan capaian internet kepada kandungan PdP dan PdT yang dibenarkan sahaja.

A. Apakah HTTP URL Filtering?

Laman web merupakan teknologi yang amat penting di sekolah, bagi tujuan PdP dan PdT. Walaupun teknologi ini boleh membantu PdP dengan lebih efisien, ia juga mendedahkan sekolah kepada pelbagai risiko, seperti penyebaran ancaman siber, kehilangan data, isu keselamatan dan pelbagai jenis penyalahgunaan. Risiko-risiko keselamatan internet seperti ini boleh diurus melalui penapisan HTTP URL ataupun HTTP URL Filtering.

B. Tujuan Pelaksanaan HTTP URL Filtering untuk 1Bestarinet:

Internet merupakan komponen penting dalam persekitaran pembelajaran maya. Akses Internet yang tidak terkawal boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif seperti penyalahgunaan internet oleh murid-murid serta penggunaan internet yang bukan untuk tujuan PdP dan PdT.

Dengan peningkatan penggunaan Internet di sekolah, ancaman keselamatan juga turut meningkat. Pentadbir IT sekolah berkemungkinan perlu menghabiskan lebih banyak masa untuk membersihkan atau menggantikan peranti terjejas; dan kekurangan masa untuk hal-hal sekolah yang lebih penting. URL Filtering menyediakan lapisan perlindungan yang berkesan dalam membantu melindungi sekolah secara proaktif daripada perisian “malicious” dan pelbagai ancaman siber yang muncul melalui laman-laman Internet yang merbahaya.


C. Pendekatan HTTP URL Whitelisting :

Akses hanya diberikan kepada kategori web atau URL yang terpilih sahaja; semua laman web lain di internet akan disekat. KPM telahpun menentukan kandungan internet yang berkaitan dengan PdP dan PdT yang dibenarkan. Pendekatan ini memastikan kandungan yang sesuai tidak akan disekat.

D. Faedah-faedah HTTP URL Whitelisting :

- Memastikan penggunaan Internet di sekolah hanya untuk perkara berkaitan PdP & PdT.
- Dapat membantu menghalang penyalahgunaan internet di sekolah.
- Mengurangkan gangguan dan akses kandungan yang tidak sesuai dari rangkaian sekolah.

TATACARA PERMOHONAN UNBLOCK LAMAN WEB



Merujuk kepada aliran kerja di atas:

- Apabila pengguna cuba mengakses laman web yang tidak berada dalam kategori Whitelist, laman *Request Unblock* akan dipaparkan.
- Sekiranya pengguna ingin memohon untuk laman web tersebut dinyahsekat,
 - i. Click butang *Request Unblock*.
 - ii. Di muka surat seterusnya, sekiranya pengguna ingin memohon untuk seluruh domain dinyahsekat, klik untuk menanda (✓) pada medan **Complete Domain**
 - iii. Masukkan maklumat-maklumat yang diperlukan:
 - **Requester School Code** – Kod sekolah pemohon;
 - **Requester ID** – ID pemohon;
 - **Requester Password** – Katalaluan pemohon;
 - **Requester Email ID** – Emel pemohon;
 - **Requester Contact** – Nombor telefon pemohon;
 - **Justification** – Berikan penjelasan mengapa akses ke laman web tersebut diperlukan (dari aspek PdP atau PdT).